

10 JUL 2001

MAHATHIR-BELANJAWAN

DR M: CUKAI KORPORAT AKAN DIKURANGKAN

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan bahawa cukai korporat akan dikurangkan lagi dalam Belanjawan 2002 yang akan datang.

"Kita sedang meneliti ke arahnya (pengurangan cukai korporat). Kita juga harus melihat keperluan kita untuk (mendapatkan) hasil kita", beliau memberitahu pemberita setelah mempengerusikan dialog Belanjawan 2002 pertama bersama-sama 50 badan kerajaan serta bukan kerajaan di sini hari ini.

Cukai korporat di Malaysia pada masa ini adalah pada kadar 28 peratus.

Selain daripada itu, secara umumnya, katanya, insentif-insentif untuk mempertingkatkan pelaburan di dalam negeri akan diadakan sementara pengurangan cukai-cukai yang dapat mengembangkan perniagaan akan juga dipertimbangkan

Ditanya mengenai masalah yang dikemukakan oleh peserta dialog kali ini, Dr Mahathir berkata mereka menyuarakan pendapat serta kebimbangan mereka bahawa kelembapan ekonomi Amerika Syarikat akan berpanjangan serta memberi kesan kepada ekonomi negara ini.

Selain daripada itu, terdapat juga kebimbangan bahawa pelaburan langsung asing (FDI) akan berkurangan.

Oleh itu kata Perdana Menteri, pelaburan tempatan perlu dipertingkatkan dan negara ini mempunyai kapasiti berbuat demikian.

Tetapi katanya, terdapat pengusaha-pengusaha tempatan yang berasa tidak senang hati kerana bank tidak memberi pinjaman dengan cara mudah dan masalah ini akan diberi perhatian.

Sementara itu, katanya masalah pengaliran wang keluar negara juga diutarakan pada dialog kali ini dan bagi mereka yang melabur di luar negara, beliau berharap akan ada pulangan daripada dividen mereka kemudian.

Mengenai teras Belanjawan akan datang, Dr Mahathir berkata oleh kerana tema dialog kali ini adalah ke arah pengukuhan daya tahan negara, kerajaan harus memastikan bahawa negara mempunyai kedua-dua keupayaan kewangan serta pegawai-pegawai yang terlatih untuk mempertingkatkan kekuatan ekonomi negara.-- BERNAMA

SHO OS